



PERATURAN & TATATERTIB **KOLEJ KEDIAMAN** UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

www.utm.edu.my



**PERATURAN DAN TATATERTIB KOLEJ KEDIAMAN
UTeM (Pindaan 2018)**

BHG	PERKARA	MUKA SURAT
I	: PERMULAAN	2
II	PERATURAN AM	3
III	: TATATERTIB KOLEJ KEDIAMAN	6
IV	: PERATURAN DI DEWAN MAKAN/ KAFETARIA	11
V	: PERATURAN KESELAMATAN	12
VI	: PERATURAN PAKAIAN	13
VII	: PERATURAN TATATERTIB ASRAMA	14
VIII	: PERATURAN KECEMASAN	15
IX	: TINDAKAN / DENDAAN	17

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. 'UTeM' ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
2. Ini Peraturan & Tatatertib Kolej Kediaman Universiti Teknikal Malaysia Melaka (pindaan 2018).
3. 'Kolej Kediaman' ertinya kawasan yang mengandungi apa-apa perumahan, baik apa pun dinamakan, yang disediakan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka, untuk kediaman pelajar.
4. 'Pelajar' ertinya seseorang pelajar berdaftar dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, secara sah.
5. 'Penghuni' ertinya seorang pelajar berdaftar yang menghuni di dalam sesebuah Kolej Kediaman secara sah.
6. 'TNC (HEPA)' ertinya Ketua Pegawai Tertinggi di Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni yang dilantik oleh Menteri.
7. Pentadbiran Kolej Kediaman UTeM diterajui oleh Pengurus Asrama dan Penolong Pengurus Asrama.
8. 'Pengetua' ertinya pegawai yang dilantik oleh TNC HEPA, bertanggungjawab ke atas segala pentadbiran, aktiviti dan kebajikan penghuni Kolej Kediaman dan dibantu oleh Felo yang dilantik. Pengetua bertanggungjawab menguatkuasakan Peraturan dan Tatatertib Kolej Kediaman.
9. 'Dewan Makan/Kafetaria' ertinya mana-mana ruang/tempat dalam kawasan Kolej Kediaman yang digunakan/dijadikan tempat makan.
10. 'Pentadbiran Kolej Kediaman' ertinya terdiri daripada Pengurus Asrama, Penolong Pengurus Asrama, dan Penyelia Asrama .
11. 'Pengurusan Kolej Kediaman' ertinya terdiri daripada Felo, Pengetua Kolej Kediaman, Pentadbiran Kolej Kediaman dan TNC HEPA.

BAHAGIAN II

PERATURAN AM

1. Syarat Mendiami Kolej Kediaman.

- 1.1 Semua pelajar Tahun Satu adalah diMESTikan menginap di Kolej Kediaman.
- 1.2 Semua ahli MPP diberi keutamaan menginap di Kolej Kediaman, manakala empat orang pemegang jawatan utama MPP diwajibkan mendiami Kolej Kediaman.
- 1.3 Pelajar tahun akhir diberi keutamaan menginap di Kolej Kediaman jika masih terdapat kekosongan tempat.
- 1.4 Pelajar di tahun pengajian selain daripada dalam para 1.1 hingga 1.3 boleh dipertimbangkan untuk mendiami Kolej Kediaman sekiranya terdapat kekosongan. Namun demikian pelajar yang aktif dalam persatuan akan diberi keutamaan.

2. Penempatan Pelajar

- 2.1 Penentuan bilik, blok dan kolej bagi seseorang pelajar adalah ditentukan oleh pentadbiran Kolej Kediaman.
- 2.2 Setelah diperuntukkan sesebuah bilik, penghuni tidak boleh berpindah ke bilik lain tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak Pengurusan Kolej Kediaman.
- 2.3 Pentadbiran Kolej Kediaman boleh mengarahkan seseorang penghuni mengosongkan bilik/blok atau berpindah ke tempat lain pada bila-bila masa.
- 2.4 Jika seseorang penghuni dikehendaki berpindah dan/atau mengeluarkan semua barang kepunyaannya, ia hendaklah berbuat demikian dalam tempoh yang diberi.

3. Setiap penghuni adalah bertanggungjawab terhadap semua kemudahan yang disediakan dan memastikan bahawa kemudahan tersebut berada dalam keadaan baik sehingga tamat tempoh kediamannya.
4. Seseorang penghuni hendaklah menggunakan premis Kolej Kediaman dengan cermat dan sewajarnya dan tidak boleh melakukan sesuatu yang mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan kepada mana-mana bahagian kawasan atau bangunan atau kepada apa-apa benda atau kelengkapan di dalamnya.
5. Dalam menggunakan premis Kolej Kediaman dan kemudahan di dalamnya, seseorang penghuni hendaklah memastikan supaya ia tidak menyebabkan apa-apa kesusahan, kegusaran, halangan atau kacau ganggu kepada mana-mana orang lain.
6. Penghuni hendaklah berjimat cermat menggunakan air dan elektrik.
7. Penghuni bertanggungjawab mengemaskan bilik masing-masing dan menentukan segala kelengkapan serta pakaian tersusun rapi. Pakaian tidak boleh disangkut di tingkap.
8. Setiap penghuni dikehendaki membayar ganti rugi ke atas apa-apa harta Universiti yang hilang, musnah atau rosak yang ia bertanggungjawab yang berpunca dari kecuaiannya sendiri. Sebagai tambahan, tindakan tatatertib juga boleh dikenakan.
9. Penghuni adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap diri dan harta bendanya.
10. Stor simpanan barang-barang adalah kawasan larangan bagi penghuni dan tidak dibenarkan memasukinya kecuali dengan kebenaran Pengetua/bagi pihak Pengetua.
11. Peraturan Semasa Cuti
 - 11.1 Semasa cuti semester, penghuni dikehendaki mengeluarkan semua harta benda persendirian dari biliknya dan menyerahkan kunci ke Pejabat Kolej Kediaman.
 - 11.2 UTeM tidak bertanggungjawab atas sebarang harta benda persendirian yang ditinggalkan semasa cuti.

- 11.3 Pelajar yang ingin menyewa dalam masa cuti semester, boleh membuat permohonan di Pejabat Kolej Kediaman selewat-lewatnya seminggu sebelum dari tarikh bermula cuti. Hanya permohonan yang mendapat sokongan fakulti dan/atau Pejabat Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni sahaja yang akan dipertimbangkan.
- 11.4 Pihak pentadbiran Kolej Kediaman berhak menetapkan blok/bilik sewaan.
12. Pelawat
- 12.1 Waktu melawat adalah seperti mana yang ditetapkan iaitu:-
- Hari Isnin hingga Jumaat : 5.00 ptg hingga 10.00 mlm
- Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am : 8.00 pagi hingga 10.00 mlm
- 12.2 Semua pelawat mestilah memakai pas pelawat yang dikeluarkan oleh Bahagian Keselamatan UTeM.
- 12.3 Pelawat dan tetamu hanya boleh berada di luar blok kediaman Kolej Kediaman.
- 12.4 Blok siswi adalah kawasan larangan kepada mana-mana pelawat/siswa kecuali.
- 12.5 Blok siswa adalah kawasan larangan kepada siswi.
- 12.6 Makanan tidak halal di sisi agama Islam tidak boleh dibawa sama sekali ke dalam Kolej Kediaman.

BAHAGIAN III

TATATERTIB KOLEJ KEDIAMAN MAHASISWA

1. Tiada seseorang boleh memasuki bilik atau berada di dalam bilik yang diduduki oleh seseorang penghuni kecuali penghuni itu sendiri.

Dengan syarat bahawa perenggan ini tidaklah dipakai bagi seseorang pegawai, pekerja atau agen UTeM yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya, atau bagi seseorang yang memasukinya atau berada di dalamnya mengikut sesuatu kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.

Dan selanjutnya dengan syarat bahawa perenggan ini tidak boleh disifatkan sebagai melarang seseorang pelajar daripada memasuki bilik seseorang penghuni dari jantina yang sama untuk lawatan bagi maksud sosial yang biasa.

2. Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab penghuni untuk memastikan supaya sekatan-sekatan dalam perenggan (1) dipatuhi dengan sewajarnya.
 3. Seseorang penghuni tidak boleh melakukan sesuatu untuk menghalang, merintang atau menahan seseorang pegawai, pekerja atau agen UTeM dari memasuki bilik penghuni itu dan menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawab di dalam bilik itu.
 4. Seseorang penghuni selepas jam 12.00 tengah malam, tidak boleh berada di luar Kolej Kediaman kecuali dengan kebenaran Pengetua atau bagi pihak Pengetua.
- Penghuni yang ingin keluar dari Kolej Kediaman dan akan balik lewat mestilah mendapatkan kebenaran Pengetua atau bagi pihak Pengetua.
5. Selepas jam 12.00 tengah malam, tiada seorang penghuni lain boleh berada dalam bilik/blok tersebut kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh Pengetua atau bagi pihak Pengetua
 6. Keadaan senyap hendaklah diwujudkan di Kolej Kediaman dan di kawasan sekelilingnya di antara pukul 12.00 tengah malam hingga 6.00 pagi. 'Headphone' atau 'earphone' hendaklah digunakan untuk mendengar

radio pada waktu tersebut. Berbual bising yang boleh mengganggu penghuni lain adalah ditegah pada sepanjang masa.

7. Tiada seseorang pelajar dan tiada sesuatu pertubuhan badan atau kumpulan pelajar boleh mengatur, mengurus, menjalankan atau membantu dalam mengatur, mengurus, menjalankan atau menyertai apa-apa judi, pertarungan atau loteri dalam Kolej Kediaman.

Sebarang bentuk perjudian adalah diharamkan sama sekali di kawasan Kolej Kediaman.

8. Tiada seseorang penghuni boleh memiliki atau di bawah jagaannya atau kawalannya apa-apa bahan lucah di dalam Kolej Kediaman.

Tiada seseorang pelajar dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh membahagi-bahagi, mengedar atau mempamerkan atau menyebabkan dibahagi-bahagi, diedar atau mempamerkan atau dipamerkan atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam membahagi, mengedar atau mempamerkan, apa-apa bahan lucah di dalam Kolej Kediaman, seseorang penghuni adalah disifatkan sebagai membahagi-bahagi, mengedar atau mempamerkan sesuatu bahan lucah, tidak kira sama ada pembahagian, pengedaran atau pameran itu adalah untuk mendapat bayaran atau apa-apa balasan lain. Tiada seseorang penghuni boleh dengan sengaja melihat atau dengan sengaja mendengar apa-apa bahan lucah di Kolej Kediaman.

9. Tiada seseorang boleh meminum atau memiliki atau di bawah jagaannya atau kawalannya apa-apa minuman keras dalam Kolej Kediaman.

Seseorang penghuni yang didapati dalam keadaan mabuk akibat dari meminum minuman keras adalah bersalah dan boleh dikenakan tindakan.

10. Tiada seseorang penghuni boleh memiliki, mencetak, menerbit, membahagi-bahagikan atau mengedarkan apa-apa dokumen atau bahan bercetak berbentuk hasutan, propaganda, subversif atau apa-apa jua dokumen atau bahan bercetak yang boleh mengancam keselamatan negara dalam Kolej Kediaman.

Seseorang penghuni yang didapati melanggar arahan ini adalah bersalah dan boleh dikenakan tindakan.

11. Pelajar adalah sama sekali dilarang membawa makanan tidak halal di sisi agama Islam ke dalam Kolej Kediaman.

12. Tiada seseorang penghuni memiliki atau bawah jagaannya atau kawalannya apa-apa dadah atau racun.

13. 'Ragging' dalam segala bentuk apapun adalah dilarang sama sekali. Permainan yang membahayakan seperti membaling 'waterbomb', mercun dan bunga api dan sebagainya adalah juga dilarang dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

14. Segala jenis penampalan seperti gambar, poster, nota-nota kuliah dan sebagainya di dalam atau di luar bangunan dan juga kawasan Kolej Kediaman adalah dilarang sama sekali kecuali di papan kenyataan yang telah dikhaskan oleh Kolej Kediaman.

Perbuatan menconteng atau melukis pada sebarang harta benda Universiti termasuk dinding, tembok, pintu dan lain-lain adalah dilarang sama sekali.

15. Pihak Universiti berhak melakukan pemeriksaan bilik pelajar dan harta benda Universiti pada bila-bila masa.

16. Kenderaan pelajar hendaklah diletakkan di tempat yang dikhaskan untuk pelajar. Semua kenderaan yang memasuki kawasan Kolej Kediaman hendaklah mematuhi peraturan lalulintas seperti yang terdapat dalam Akta Universiti. Hanya kenderaan yang telah didaftarkan dengan Bahagian Keselamatan dan mempamerkan stiker sahaja dibenarkan diletak di tempat letak kenderaan.

17. Penghuni adalah dilarang mengeluarkan apa-apa perintah ataupun arahan kepada mana-mana staf yang bertugas di Kolej Kediaman.

18. Penghuni dilarang berbahasa kesat dan kasar atau lucah.

19. Penghuni mestilah sentiasa berkelakuan baik, beradap sopan, bertanggungjawab dan memelihara maruah dan tatatertib sesuai dengan taraf pelajar UTeM.

20. Penghuni dilarang menggunakan kasut semasa memasuki mana-mana bilik kediaman di Kolej Kediaman.

Kasut hendaklah disimpan dan disusun kemas di dalam bilik penghuni. Menyimpan/ menyusun kasut di luar bilik penghuni hanya dibenarkan di rak kasut yang disediakan.

21. Penghuni yang didapati menyalahgunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh UTeM seperti telefon awam dan sebagainya akan dikenakan tindakan tatatertib.
22. Pelajar adalah dilarang merokok dalam bangunan Kolej Kediaman dan mana-mana kawasan larangan merokok.
23. Pelajar tidak dibenarkan menggunakan kenderaan bermotor selepas jam 12.00 tengah malam.
24. Hanya peralatan elektrik yang dibenarkan sahaja boleh dibawa dan hendaklah didaftarkan ke Pejabat Kolej Kediaman.

Peralatan Elektrik Yang Dibenarkan Dibawa Ke Kolej Kediaman

Tanpa Bayaran :

- a) Set Komputer
- b) Komputer (desktop)
- c) Laptop
- d) Printer
- e) Scanner
- f) Pengecas bateri

Dengan Bayaran (RM5)

- a) Kipas meja
- b) Lampu belajar
- c) Mesin gunting rambut
- d) Cerek/jug elektrik

Dengan Bayaran (RM10)

- a) Pengerang rambut
- b) Seterika (wajib beserta papan penggosok)
- c) Radio
- d) Pembakar roti
- e) Peti ais mini (atas sebab kesihatan dengan kebenaran Timbalan Naib Canselor (HEPA))

Had Bilangan Kebenaran Membawa Peralatan Elektrik Persendirian Pelajar Di Kolej Kediaman

Seorang pelajar :

Setiap pelajar hanya dibenarkan membawa 4 unit peralatan elektrik yang berbeza sahaja.

Jumlah peralatan :

Setiap bilik hanya dibenarkan mendaftar 1 unit sahaja bagi peralatan

- a) Cerek
- b) Seterika
- c) Radio
- d) Pembakar roti
- e) Peti ais mini

25. Pelajar/Penghuni tidak boleh terlibat dalam sebarang perniagaan tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu dari Pengetua/bagi pihak Pengetua Kolej Kediaman.
26. Pihak Universiti dari masa ke semasa memberi secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah, suruhan atau arahan yang difikirkan perlu atau sesuai untuk memelihara ketenteraman atau tatatertib dalam Kolej Kediaman dan perintah, suruhan atau arahan itu boleh pada amnya mengenai semua pelajar atau sesuatu golongan atau jenis pelajar atau seseorang pelajar dan adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pelajar yang diberi perintah, suruhan atau arahan itu mematuhi dan melaksanakannya.
27. Tindakan tatatertib sepertimana terkandung di dalam Akta Universiti Dan Kolej Universiti, 1971 akan dikenakan kepada semua penghuni yang melanggar peraturan Kolej Kediaman.

BAHAGIAN IV

PERATURAN DI DEWAN MAKAN / KAFETARIA

1. Semua makanan dan minuman yang tidak halal di sisi agama Islam tidak dibenarkan dibawa masuk ke Kolej Kediaman / Dewan Makan / Kafetaria.
2. Penghuni mestilah berpakaian kemas dan sopan serta hendaklah sentiasa dalam keadaan tertib semasa berada di Dewan Makan/Kafetaria untuk mengambil atau menikmati hidangan makanan.
3. Penghuni tidak dibenarkan memakai baju tanpa berlengan dan berseluar pendek semasa berada di Dewan Makan / Kafetaria.
4. Peralatan Dewan Makan / Kafetaria tidak boleh dibawa keluar dari Dewan Makan / Kafetaria.

BAHAGIAN V

PERATURAN KESELAMATAN

1. Penghuni adalah dikehendaki memastikan pintu dan tingkap bilik masing-masing sentiasa berkunci apabila meninggalkan bilik.
2. Penghuni-penghuni tidak dibenarkan memasak.
3. Pembakaran mercun, bunga api dan sampah sarap adalah dilarang sama sekali.
4. Penggunaan 'heater bergelung' (immersion) adalah dilarang.
5. Penghuni mestilah sentiasa berwaspada bagi mengelakkan berlaku sebarang kebakaran.
6. Penghuni tidak dibenarkan merosak, menyusup atau memanjat pagar.
7. Penghuni-penghuni hendaklah mematuhi peraturan mencegah kebakaran dan mana-mana peraturan yang dikeluarkan mengenainya.
8. Kenderaan seperti kereta, motor, basikal yang diletakan di tempat-tempat yang disediakan hendaklah sentiasa dikunci dengan selamat.
9. Penghuni adalah bertanggungjawab ke atas keselamatan harta peribadi. Pihak Kolej Kediaman tidak bertanggungjawab ke atas keselamatan harta tersebut.
10. Sebarang kerosakan di Kolej Kediaman yang boleh mengancam keselamatan penghuni hendaklah dilaporkan kepada pihak pengurusan dan/atau pentadbiran Kolej Kediaman dengan segera.
11. Sebarang keadaan yang mencurigakan dan mengancam keselamatan penghuni hendaklah dilaporkan kepada pihak pengurusan dan/atau pentadbiran Kolej Kediaman.

BAHAGIAN VI

PERATURAN PAKAIAN

1. Semua penghuni/pelajar dikehendaki mematuhi etika berpakaian sepertimana yang terkandung di dalam Buku Peraturan Pakaian & Penampilan Pelajar.
2. Pelajar tidak dibenarkan memakai purdah (menutup muka).
3. Pelajar tidak dibenarkan memakai seluar/skirt ketat atau bertampal dan tidak kemas/ tidak sopan.
4. Pelajar tidak dibenarkan memakai seluar/skirt pendek di luar bilik/blok Kolej Kediaman.
5. Pelajar tidak dibenarkan memakai baju tidak berlengan di luar bilik/blok Kolej Kediaman.
6. Pelajar dinasihatkan supaya berpakaian kemas dan berkelakuan sopan semasa berada di dalam dan luar kampus sebagai menjaga nama baik pelajar, keluarga dan UTeM.
7. Pemakaian kain sarung, kaftan, dan baju tidur tidak dibenarkan di luar bilik/blok kecuali di tempat-tempat yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN VII

Peraturan Tata tertib Asrama (Cabutan dari Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971)

1. Tiada seorang pun boleh memasuki atau berada di dalam bilik yang diduduki oleh seseorang pelajar. Perenggan ini tidak terpakai bagi seorang Pegawai, pekerja dan agen Universiti yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawab atau bagi seseorang yang memasukinya atau berada di dalamnya mengikut sesuatu kebenaran yang diberi oleh Pengetua atau bagi pihak pengetua.
2. Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab seseorang pelajar menetap memastikan supaya sekatan-sekatan dalam perenggan (1) dipatuhi bagi bilik yang diduduki olehnya. Seseorang pelajar menetap tidak boleh melakukan sesuatu untuk menghalang, merintang dan menahan seseorang pegawai, pekerja atau ejen Universiti daripada memasuki bilik pelajar, menetap dan menjalankan tugas-tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya di dalam bilik itu.
3. Seseorang pelajar yang tinggal di sesuatu Kolej Kediaman adalah tertakluk kepada budibicara dan kuasa mutlak Universiti.
4. Universiti boleh jika menghendaki seseorang pelajar menetap, mengosongkan tempat tinggalnya atau berpindah ke tempat tinggal lain yang disediakan oleh universiti pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

BAHAGIAN VIII
PERATURAN KECEMASAN

1. Peraturan Kebakaran

1.1 Sekiranya berlaku kebakaran, penghuni yang mula-mula sekali melihatnya hendaklah memberitahu Pengetua atau Felo atau Pejabat Kolej Kediaman atau Pihak Keselamatan yang berdekatan dengan segera.

1.2 Alat penggera kebakaran perlu dibunyikan.

1.3 Penghuni Kolej Kediaman perlu keluar daripada bilik masing-masing dan berkumpul di tempat yang selamat.

2. Bencana Alam (banjir, gempa bumi, ribut, bangunan runtuh)

2.1 Sekiranya berlaku bencana alam penghuni hendaklah mengosongkan bilik dan mendapatkan bantuan.

2.2 Penghuni hendaklah menyelamatkan diri dengan melalui laluan yang selamat serta mengikut arahan yang diberi.

2.3 Berkumpul di kawasan lapang yang jauh dari bangunan/tempat bencana.

2.4 Penghuni Kolej Kediaman perlu menghubungi Pengetua/Felo atau pihak keselamatan dengan segera.

3. Rawatan Kecemasan

3.1 Jika berlaku kecemasan yang memerlukan rawatan pada waktu pejabat, penghuni perlu menghubungi staf Kolej Kediaman atau pengawal keselamatan.

Staf Kolej Kediaman bertanggungjawab memastikan penghuni berkenaan mendapat perkhidmatan ke hospital/klinik terdekat.

3.2 Jika berlaku kecemasan yang memerlukan rawatan di luar waktu pejabat, penghuni perlu menghubungi felo/pengetua/JAKSIS/pengawal keselamatan.

Pengetua/Felo/pengawal keselamatan bertanggungjawab menghantar penghuni berkenaan mendapatkan perkhidmatan ke hospital/klinik yang berdekatan.

3.2 Pengetua Kolej Kediaman boleh mengeluarkan surat pengesahan (Guarantee Letter) bagi urusan kemasukan ke wad hospital berdekatan.

Tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

**PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**TINDAKAN/DENDAAN BAGI KESALAHAN
YANG DILAKUKAN DI KOLEJ KEDIAMAN**

BIL	KESALAHAN	TINDAKAN / DENDAAN
Etika		
1	Berjudi	Rujuk Tatatertib
2	Bergaduh	Rujuk Tatatertib
3	Mencuri	Rujuk Tatatertib
4	Penyiaran haram (cetak / elektronik)	Denda RM100
5	<i>Ragging</i> / mendera	Rujuk Tatatertib
6	Mendatangkan mudarat kepada diri dan orang lain	Denda RM50
7	a. Perlakuan sumbang yang melanggar kesopanan, seperti : i. Berpegangan tangan ii. Bercium iii. Berdua-duaan di tempat yang mencurigakan iv. Bersekedudukan v. Homoseksual / lesbian vi. Lain-lain perlakuan yang dianggap sumbang	Rujuk Tatatertib

BIL	KESALAHAN	TINDAKAN / DENDAAN
8	b. Perlakuan ke arah gangguan seksual i. Gangguan seksual ii. Persetubuhan haram iii. Berdua-duaan tanpa pakaian iv. Mengandung tanpa nikah Lain-lain perlakuan yang boleh dianggap menimbulkan gangguan seksual	Rujuk Tatatertib
Barang Terlarang		
8	Menghisap / memilik / menjual / mengedar rokok	Denda RM 100
9	Meminum / memiliki / menjual / mengedar minuman keras	Rujuk Tatatertib
10	Penyalahgunaan / memiliki / menjual / mengedar dadah / racun	Rujuk Tatatertib
11	Bermain / memiliki / menjual / mengedar / mencun / suar	Denda RM50 & Rampas
12	Melihat / memiliki / mengedar bahan lucah (cetak / elektronik)	Rujuk Tatatertib
13	Menggunakan / memiliki peralatan / senjata merbahaya	Rujuk Tatatertib

BIL	KESALAHAN	TINDAKAN / DENDAAN
Kesalahan di kolej kediaman		
14	Berpindah bilik tanpa kebenaran	Denda RM50 & Kembali ke bilik asal
15	Membenarkan setingan di dalam bilik / rumah	Denda RM20
16	Tidur di tempat yang tidak dibenarkan	Denda RM10
17	Membuat bising dan mengganggu ketenteraman awam	Denda RM50
18	Menghilangkan kunci	Denda RM10 setiap unit
19	Tidak pulang kunci dalam tempoh yang ditetapkan	Denda RM 20 & caj sewaan/hari (maks. RM 100)
20	Memiliki kunci pendua bilik lain	Denda RM50
21	Memiliki peralatan elektrik tanpa kebenaran / yang tidak dibenarkan	Denda RM50 & Rampas
22	Menggunakan / memiliki elemen pemanas (immersion heater)	Denda RM30 & Rampas
23	Memasak / memiliki peralatan memasak di kolej kediaman	Denda RM50 & Rampas Peralatan
24	Tidak menutup suis elektrik / air	Denda RM20
25	Membuat ampaian di tempat yang tidak dibenarkan	Denda RM 10 & Rampas

BIL	KESALAHAN	TINDAKAN / DENDAAN
26	Menjejaskan kebersihan dan kekemasan bilik / rumah / kolej kediaman	Denda RM30
27	Tidak menggunakan cadar / sarung bantal	Denda RM10
28	Memasang selak pintu / mangga	Denda RM20 & gantirugi
29	Melakukan amalan pemujaan yang dilarang	Denda RM20
30	Meletak kenderaan di tempat larangan	Rujuk Peraturan Lalulintas UTeM
31	Menampal poster / iklan tanpa kebenaran	Denda RM20
32	Melakukan aktiviti/perhimpunan tanpa kebenaran	Rujuk Tatatertib
33	Menghalang / menahan staf daripada menjalankan tugas	Rujuk Tatatertib
34	Tidak hadir aktiviti wajib	Bayar RM 20
35	Ponteng sembahyang Jumaat	Rujuk ke Pusat Islam
36	Ingkar arahan pihak kolej kediaman	Rujuk Tatatertib
37	Memelihara haiwan	Denda RM50
38	Menjalankan perniagaan tanpa kebenaran	Denda RM50 & Rampas

BIL	KESALAHAN	TINDAKAN / DENDAAN
Menyalahgunakan kemudahan		
39	Merosakkan harta benda kolej / universiti	Denda RM50 & Gantirugi
40	Menyalahgunakan kemudahan	Denda RM50
41	Menceroboh tempat larangan / terhad	Denda RM50
42	Mengubah kedudukan perabot bilik / rumah / kemudahan kolej kediaman	Denda RM30 & Susun semula ke tempat asal
43	Menyalahgunakan alat pemadam api	Denda RM100 & Gantirugi
44	Pendawaian haram	Denda RM50 & Rampas Gantirugi
45	Menipu / pemalsuan dokumen	Rujuk Tatatertib
46	Menipu / memalsukan kenyataan	Rujuk Tatatertib
47	Meniru tandatangan mana - mana pegawai	Rujuk Tatatertib
48	Salah guna kad pelajar	Rujuk Tatatertib

Nota :

- Segala barang rampasan hendaklah dituntut pada setiap hujung semester (selepas minggu ulangkaji) setelah denda dijelaskan.
- Barang rampasan yang tidak dituntut dalam tempoh setahun selepas rampasan akan dilupuskan.